

Apec: PM tegaskan pendirian

PETALING JAYA: Malaysia membantah sebarang percubaan untuk menjadikan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) sebagai blok perdagangan baru yang mempunyai ciri Pasaran Bersama Eropah (ECM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia tetap dengan pendiriannya tidak mahu blok perdagangan diwujudkan sama ada oleh Amerika Syarikat, Eropah atau negara Timur.

"Kita tidak bersetuju dengan pembentukan blok perdagangan oleh

mana-mana pihak.

"Blok perdagangan yang patut diwujudkan ialah untuk sedunia (world trading block) supaya seluruh dunia menjadi satu blok," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan ke-14 Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan AFP dari Sydney kelmarin yang menyebut pemimpin negara anggota Apec menimbang rancangan menjadikan Apec blok perda-

gangan baru.

Laporan itu yang memetik Sydney Morning Herald itu menyebut ahli ekonomi Amerika Syarikat, C Fred Bergsten selaku Pengerusi Kumpulan Tokoh Terkenal (EPG) sebagai berkata, negara anggota Apec perlu mengurangkan halangan perdagangan sesama mereka sebelum memperluaskannya kepada rakan perdagangan bukan anggota.

Bergsten berkata, persamaan terdekat mengenai cadangan itu ialah perjanjian ECM membabitkan negara anggota Persatuan

Perdagangan Bebas Eropah (Efta) yang kemudian dijemput menyertai Kesatuan Eropah (EU).

Ditanya apakah beliau akan mengemukakan bantahan itu pada sidang kemuncak Apec akan datang, Dr Mahathir berkata, perkara itu belum dipastikan kerana cadangan menjadikan Apec blok perdagangan adalah perkara baru.

"Saya tak tahu lagi. Barangkali ia tidak menjadi isu.

"Saya akan pergi (menghadiri sidang kemuncak itu) dan tengok," katanya.